

Pencapaian membanggakan

NTP berjaya merapatkan jurang menuju sasaran pendapatan tinggi daripada 33 peratus kepada 18 peratus

KUALA LUMPUR - Program Transformasi Negara (NTP) yang dilaksanakan selama ini mencatat pencapaian membanggakan apabila berjaya merapatkan jurang menuju sasaran pendapatan tinggi daripada 33 peratus kepada 18 peratus antara 2010 hingga 2016.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, NTP telah memainkan peranan besar membawa negara keluar daripada perangkap pendapatan pertengahan seperti dialami pada 2009.

"Pada akhir 2016, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita telah meningkat kepada AS\$10,010 berbanding sasaran pendapatan tinggi yang dianggarkan pada AS\$12,272 tahun lalu menurut anggaran Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu),"



● **Wujud lebih 2.26 juta pekerjaan**

● **Malaysia model transformasi bagi negara lain**

katanya dalam perutusan Laporan Tahunan 2016 NTP, semalam.

Anggaran Pemandu itu adalah berdasarkan pengiraan PNK perkapita Bank Dunia menggunakan kaedah Atlas, dengan menggunakan maklumat awam yang tersedia masa kini.

Najib berkata, NTP juga turut membantu mewujudkan lebih 2.26 juta pekerjaan dalam tempoh enam tahun kebelakangan ini.

Mengenai pencapaian lain yang diraih negara, Najib berkata, pembangunan sebuah sistem pengangkutan

bertaraf dunia pastinya antara janji terbesar yang telah dikotakan semasa NTP dilancarkan pada 2010.

"Pada Disember 2016, kita sama-sama menyaksikan impian saya terhadap sistem pengangkutan awam yang cekap, dipercayai dan selamat untuk rakyat.

"Ia semakin hampir jadi kenyataan dengan pelancaran projek Transit Aliran Massa (MRT) di Lembah Klang, selain pengembangan kapasiti dan penaiktarafan infrastruktur rangkaian pengangkutan awam sedia ada," katanya.

Sementara itu, Najib berkata, usaha mempelbagaikan sumber hasil kerajaan telah berjaya mengurangkan sumbangan daripada hasil berkaitan minyak dan gas daripada 41.3 peratus pada 2009 kepada 14.7 peratus



NAJIB

pada 2016.

Menyentuh mengenai cukai barangan dan perkhidmatan (GST) serta rasionalisasi subsidi yang diperkenalkan, Najib berkata, kerajaan telah mengutip sejumlah RM38.5 bilion pada 2016 sekali gus mengimbangi kekurangan hasil kerajaan sebanyak RM30 bilion disebabkan kejatuhan harga minyak hampir 50 peratus.

Menurutnya, defisit fiskal kerajaan yang terus berkurangan kepada 3.1 peratus, sekali gus memastikan negara berada di landasan tepat untuk mencapai bajet seimbang menjelang 2020.

Beliau menjelaskan, ini membolehkan kerajaan memperkenalkan sistem subsidi lebih cekap seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang telah meringankan beban 7.28 juta isi rumah pada 2016.

Mengenai pencapaian berkaitan menambah baik kehidupan rakyat terutama di luar bandar, Najib berkata, kerajaan telah menyiapkan pembinaan 6,041 km jalan raya di kawasan luar bandar berbanding 750 km jalan raya di luar bandar yang dibina pada tahun pertama program NTP pada 2010.

Perdana Menteri tu-

rut berkongsi pencapaian lain, termasuk pembinaan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) di Johor, hab bertaraf dunia bagi aktiviti minyak dan gas hiliran yang menarik pelaburan besar pihak swasta.

Secara keseluruhannya, Najib menarik perhatian bahawa Malaysia telah muncul sebagai model bagi negara-negara lain yang ingin melaksanakan transformasi.

Pencapaian itu katanya, membuktikan model transformasi Malaysia benar-benar berjaya dan menawarkan pengalaman serta iktibar berharga yang boleh dimanfaatkan oleh negara lain secara bersama.

"Selayaknyalah kita berbangga dengan segala pencapaian ini, namun kerja kita sebenarnya masih jauh," katanya. - *Bernama*